

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

KIT 250 - Pengurusan Industri

(Masa : 3 jam)

Jawab sebarang LIMA soalan.

Hanya LIMA jawapan yang pertama sahaja akan diperiksa.

Jawab tiap-tiap soalan pada muka surat yang baru.

Kertas ini mengandungi TUJUH soalan (4 muka surat).

1. Di satu majlis, anda bertemu dengan seorang artis. Dia bertanyakan anda apakah major anda dan jawapan anda adalah "PENGURUSAN". Dia kemudiannya menjawap dengan nada yang separuh bersenda dan separuh mengejek, "Apa itu pengurusan? Mengapa anda ingin mempelajarinya?"

(20 markah)

2. Mengapa pengurus-pengurus menggalakkan pembentukan kumpulan? Apakah pentingnya kumpulan-kumpulan ini untuk memenuhi keperluan syarikat?

(20 markah)

3. Apakah yang dimaksudkan dengan kepimpinan :

- (a) Gaya Konservatif.
- (b) Gaya Pertengahan Jalan
- (c) Gaya Liberal

Pada pendapat anda, yang manakah merupakan gaya yang terbaik dan mengapa?

(20 markah)

4. Apakah itu perancangan? Apakah fasa-fasa atau langkah-langkah berkaitan yang terlibat?

(20 markah)

5. (a) Penyelia anda telah bertanyakan anda tentang prosedur "grievence" syarikat. Terangkan kepada beliau apakah itu prosedur "grievence". Mengapa anda memerlukan prosedur "grievence" sebegini?

(10 markah)

- (b) Apakah perancangan keperluan bahan (Material Requirement Planning, MRP)? Apakah yang perlu ada sebelum seseorang boleh melakukan MRP?

(4 markah)

- (c) Apakah itu inventori? Apakah kepentingannya di dalam sesuatu organisasi?

(3 markah)

- (d) Apakah sebab-sebab yang patut diambil kira sebelum melakukan sesuatu keputusan sama ada sesuatu komponen itu harus dibeli atau dibuat sendiri? Berikan 2 sebab untuk setiap satu.

(3 markah)

6. (a) Sila terangkan pengertian kualiti daripada sudut dimensi-dimensi kualiti.

(5 markah)

- (b) Secara kasar, Sistem Piawaian ISO9000 mempunyai 3 kategori kebaikan yang luas:

- (i) Kebaikan dari segi pelanggan dan pemasaran.
- (ii) Kebaikan dalaman.
- (iii) Kebaikan dari segi kerjasama di antara pelanggan dan pembekal.

Silauraikan secara terperinci ketiga-tiga kebaikan tersebut.

(10 markah)

- (c) Berapakah elemen yang terdapat di dalam ISO 9001? Senaraikan 10 daripadanya.
 (5 markah)




7. (a) Sila terangkan situasi pengeluaran yang ideal untuk pengeluaran yang optimum.

(3 markah)

- (b) Bagi carta yang terdapat di bawah, sila terangkan samada carta itu berkeadaan normal atau tidak dan berikan sebab-sebab.




CARTA KAWALAN

Had kawalan atas



Had kawalan bawah

Had kawalan atas



Had kawalan bawah

(7 markah)

(c) Apakah matlamat utama kawalan proses?

(3 markah)

(d) Sebagai contoh, terdapat 5 kumpulan asas pekerja bagi menghasilkan pembaris di sebuah kilang.

$$\bar{X}_1 = 12 \text{ inci} \quad R_1 = 2$$

$$\bar{X}_2 = 11 \text{ inci} \quad R_2 = 3$$

$$\bar{X}_3 = 10 \text{ inci} \quad R_3 = 2$$

$$\bar{X}_4 = 12 \text{ inci} \quad R_4 = 1$$

$$\bar{X}_5 = 10 \text{ inci} \quad R_5 = 2$$

Spesifikasi yang ditetapkan ialah $X = 12 \pm 1$ inci

Sila dapatkan : n, \bar{R} , $\bar{\bar{X}}$, sigma, UCL, LCL, Cp, Cpk

Jadual

n	A ₂	D ₃	D ₄	d ₂
2	1.880	0.000	3.267	1.128
3	1.023	0.000	2.574	1.693
4	.729	0.000	2.282	2.059
5	.577	0.000	2.115	2.326
6	.483	0.000	2.004	2.534
7	.419	.076	1.924	2.704
8	.373	.136	1.864	2.847
9	.337	.184	1.816	2.970
10	.308	.223	1.777	3.078

(7 markah)

oooOOOooo